

TAKTIK PENYEBARAN AJARAN SESAT DI MALAYSIA

Oleh: Muhammad Sallehuddin bin Md Sabran, 1172572,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

Disiarkan pada 17 July 2020



Ajaran sesat bukanlah perkara yang asing dalam kehidupan umat Islam. Namun, masih ramai umat Islam yang mudah terjebak dalam gejala ini. Masalah ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia menjejaskan akidah seorang Muslim.

Ajaran sesat bermaksud satu fahaman atau perilaku yang bertentangan dengan Islam yang mengandungi unsur-unsur pemujaan, tahyul dan khurafat.

Kebiasaannya ajaran sesat didalangi oleh sebuah pertubuhan sama ada Islam atau bukan Islam yang menjalankan aktivitinya secara rahsia atau terang-terangan.

Kumpulan seperti ini dikatakan berpegang kepada kepercayaan yang menyeleweng, berunsur magik, sihir serta taksuf tentang kedudukan dan kemuliaan seseorang.

Menurut buku 'Membongkar Rahsia al-Quran' yang disusun oleh Shamsuddin Moner El-Askarey, antara ciri-ciri utama pengamal ajaran sesat di Malaysia adalah mengaku diri atau gurunya sebagai Nabi dan mendakwa menerima wahyu.

Selain itu, ada yang mengaku sebagai Imam Mahadi atau mempercayai individu tertentu tidak mati dan akan muncul sebagai manusia yang istimewa seperti Imam Mahadi.

Contoh ajaran sesat yang mempunyai pemikiran sebegini adalah Qadiani, Bahai, empat sahabat dan Mufarridiah.

Ada juga yang mempercayai roh orang mati boleh menjelma semula dalam tubuh manusia yang hidup selain mendakwa pengikut ajarannya sahaja yang layak memasuki syurga.



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mewartakan ajaran-ajaran sesat yang sama sekali tidak boleh diamalkan di negara ini.

Antara ajaran tersebut adalah Nasrul Haq, Syiah, Wali Sembilan, al-Arqam, golongan anti hadis, al-Ma'unah, Ayah Pin, Wali Suci, Tusuk Hikmat, Silat Pukulan Jarak Jauh dan Haqqullah Syahadah.

Pelbagai taktik digunakan oleh penyebar ajaran sesat untuk menarik pengikutnya. Antara kaedahnya adalah:

- 1) Mangsa kebiasaannya seorang yang warak dan kuat beribadah. Manakala penyebar ajaran sesat berpura-pura warak dan alim lalu cuba menarik perhatian mangsa tersebut.
- 2) Para penyebar ajaran sesat menimbulkan keraguan kepada mangsanya yang rajin menunaikan solat fardu dan sunat dengan tekun lalu menanyakan apakah hikmah dan tujuan solat.
- 3) Individu yang menyebarkan ajaran sesat meraih simpati dengan menyatakan keinginan bermalam di rumah mangsanya dengan tujuan mengadakan qiyamullail, perkongsian ilmu atau majlis bacaan al-Quran.
- 4) Mereka juga menyampaikan kononnya ilmu rahsia atau amalan yang sah, lalu mangsa berminat untuk mengetahui ilmu-ilmu tersebut seperti rahsia solat dan puasa. Penyebar bersikap jual mahal dan meminta mangsa supaya lebih banyak bersabar dan lebih giat menuntut ilmu daripada penyebar.
- 5) Selepas diberitahu mengenai ajarannya, mangsa diminta untuk menyimpan rahsia dan tidak membocorkannya kerana dia merupakan insan yang terpilih.
- 6) Selalunya, penyebar menggunakan kata-kata yang samar dalam penyampaiannya. Contohnya, “manusia itu ada bermacam pendapat, bercanggah antara yang lain. Masing-masing mengatakan pendapatnya betul, tetapi kita dengan mengenal diri, maka akan mengenal Allah dan Allah tidak menyembunyikan kebenaran. Manakala orang lain berada dalam keadaan meraba-raba.”

Sedarlah bahawa ajaran sesat membawa kemudaratan terhadap Islam. Kegiatan yang salah itu mewujudkan ilmu tanpa disiplin yang benar dan menerbitkan huraian-huraian syariat tanpa berlandaskan al-Quran dan sunnah.

Situasi ini boleh memberi kefahaman yang salah kepada masyarakat. Maka, ajaran sesat mesti dibanteras habis-habisan demi memelihara akidah umat Islam di negara ini.